

SOALAN NO. 525**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA
[TASEK GELUGOR]**

TARIKH : 24 JULAI 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Datuk Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasik Gelugor] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauhmanakah perhatian Kementerian dalam membanteras aktiviti mengemis dan mengutip derma oleh orang kurang upaya (OKU) serta pendatang tanpa izin yang sering berkeliaran di kaki lima premis serta tempat tumpuan awam.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menangani isu pengemisan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai agensi (*multi-sectoral*). KPWKM akan terus memperkemas dan memperkuatkan lagi tindakan bersepadu pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan aktiviti pengemisan yang dilaksanakan oleh pengemis warganegara dan bukan warganegara atau pendatang tanpa izin dapat dibendung. Antara tindakan berterusan yang diambil adalah:

- i. Menjalankan aktiviti pemantauan berkala di lokasi-lokasi yang dikenalpasti menjadi tumpuan aktiviti pengemisan seperti pusat membeli-belah, restoran, pasar, pasar malam, kaki lima bank dan bangunan perniagaan.
- ii. Menjalankan operasi berjadual, *ad-hoc* dan bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen, Polis,

Pihak Berkuasa Tempatan, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Pendaftaran dan RELA untuk menyelamatkan pengemis. Setiap agensi penguatkuasaan akan bertindak mengikut bidang kuasa agensi masing-masing. Bagi tahun 2016, JKM telah melaksanakan **2707** operasi menyelamatkan pengemis yang tediri dari 332 operasi bersepadu, 1138 operasi berjadual dan 1237 operasi *ad-hoc* di seluruh negara.

- ii. Berdasarkan operasi yang dijalankan, jika didapati pengemis yang diselamatkan adalah bukan warganegara atau pendatang tanpa izin, mereka akan diserahkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk diambil tindakan mengikut undang-undang dan peraturan di bawah agensi berkaitan. Manakala pengemis warganegara yang tidak mempunyai waris, berumur di bawah 60 tahun akan ditempatkan di Desa Bina Diri (DBD), dan pengemis yang berumur 60 tahun dan ke atas pula diberikan penjagaan dan perlindungan di Rumah Seri Kenangan (RSK).
- iii. Melaksanakan program pendidikan kesedaran dan pencegahan pengemisan dengan slogan ‘Bijak Membantu, Elak Tertipu’. Program advokasi dan kesedaran awam ini dilaksanakan bagi mendidik masyarakat supaya bijak membantu atau menderma

bagi mengelakkan sebarang penipuan dari pengemis atau pertubuhan-pertubuhan kebajikan yang tidak berdaftar. JKM telah mengedarkan poster dan *flyer* kepada orang awam semasa kempen tersebut. Kerajaan berharap masyarakat dapat menyalurkan sumbangan atau derma kepada pihak-pihak bertauliah seperti pertubuhan-pertubuhan kebajikan berdaftar, rumah ibadat dan pusat jagaan yang berdaftar. Masyarakat terdiri dari semua kaum, agama dan peringkat umur disarankan untuk membuat pertimbangan sewajarnya sebelum menghulurkan derma atau sumbangan. Kempen juga telah dilaksanakan melalui media cetak dan media elektronik. Bagi tahun 2016, sebanyak 248 kempen telah dilaksanakan oleh JKM.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi aktiviti kutipan derma, ia adalah di bawah bidang kuasa Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang bertindak di bawah Akta Kutipan Rumah ke Rumah dan Jalanan 1947 dan di bawah Jabatan Agama Islam sekiranya kutipan derma berunsurkan keagamaan.